

GUGATAN AKIDAH: BENCIKAN AL-QURAN

Hiasan Panot
Ahmad Farhan Mohd Rahman
Muhammad Zainal Fitri Zainal Abidin
Ahmad Kilani Mohamed

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia,.

Suggested Citation:

Panot H., Mohd Rahman A. M., Zainal Abidin M. Z. F., & Mohamed A. K. (2015). Gugatan akidah: Benci kepada al-Quran dlm. *Prosiding Seminar Pemantapan Akidah 2015* (Jasmi K. A. & Hiasan Panot, Ed.) pada 16 Mei 2015 bertempat di Dewan Kuliah Khadijah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor, hal. 89-109. ISBN: 978-967-0794-45-5.

ABSTRACT

Penulisan kajian membahaskan tentang permasalahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam masa kini mengenai perbuatan membenci al-Quran. Skop penulisan berkisar tentang takrif, nama lain bagi al-Quran, dalil, penggunaan perkataan benci dalam al-Quran, punca membenci al-Quran dan sebagainya. Al-Quran merupakan kitab terakhir yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW, kandungannya meliputi seluruh aspek kehidupan, merentas zaman, mampu menundukkan akal fikiran, dan mengubati segala kejahatan yang lahir atas sifat hamba yang tidak sunyi dari melakukan kesilapan. Sebagai umat Islam adalah wajar mengambil perhatian dengan sepenuh keimanan untuk menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup, agar menjadi hamba yang tergolong dalam kalangan hamba yang bersyukur atas segala nikmat yang tidak terhingga. Agama Islam memberi ruang dan peluang kepada penganutnya untuk memilih cara hidup masing-masing tetapi mestilah tidak terkeluar dari landasan syariat Allah SWT. Walaubagaimanapun terdapat kumpulan dan fahaman yang membenci al-Quran kerana kejahilan dan ketandusan ilmu, maka perlu dilaksanakan gerakan dakwah secara menyeluruh untuk membenteras dan memberi kesedaran seterusnya mengeluarkan golongan tersebut dari kepompong kejahilan mereka. Semoga golongan yang membenci al-Quran tersebut akan memperolehi taufiq dan hidayah dari Allah SWT untuk menjadi hamba yang soleh.

REFERENCES

- Abdullah, M. (2009). *Apa Itu Al-Quran?* (Vol. 1), Batu Caves: PTS Islamika.
- Adnan, U. I. U. A. E. (2015). *101 Info Seronoknya Mengenal Nabi dan Rasul*. Batu Caves, Selangor: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Al-Otmani, H. M. (1989). *Iblis Yang Sombong*. Rawang, Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Bahrin, Y. (1997). *SYIAH: Siapakah Mereka dan Apakah Sikap Kita Terhadap Mereka*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Hadiah Yang Sampai Kepada Jenazah*. (2014). (A. F. Zakaria Ed.). Rawang, Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Harun, Y. (2004). *Prasangka Baik di dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ilias, Mohd. (2011, 25 April 2011). *Penggunaan Masjid dan Persekitaran Sekolah dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Paper presented at the Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.

- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM Press.
- Marbu, S. N. (2002). *Berpegang Teguh Dengan Kitab Dan Sunnah* (M. Z. A. R. A. Syami Ed.). Kalimantan Selatan: al-Hidayah.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008). *Pengimarahannya Masjid dalam Agenda Ummah*. Skudai, Johor Bahru, Johor.
- Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*. (2005). (F. S. Shuaib Ed.). Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Sarip, S. Z. a. N. (2011). *Pendidikan Tafsir Al- Quran* (4 ed.). Jabatan Agama Islam Johor: Idu Sistem SDN BHD.
- Yahya, H. (2004). Prasangka Baik Di Dalam Al-Quran. In N. Abu (Ed.). Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Zainal, S. (2011). *Pendidikan Tafsir al-Quran* (Vol. Darjah 5). Jabatan Agama Islam Johor: Idu Sistem Sdn.

8

GUGATAN AKIDAH: BENCIKAN AL-QURAN

Hiasan Panot, Ahmad Farhan Mohd Rahman,
Muhammad Zainal Fitri Zainal Abidin, &
Ahmad Kilani Mohamed

Abstrak

Penulisan kajian membahaskan tentang permasalahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam masa kini mengenai perbuatan membenci al-Quran. Skop penulisan berkisar tentang takrif, nama lain bagi al-Quran, dalil, penggunaan perkataan benci dalam al-Quran, punca membenci al-Quran dan sebagainya. Al-Quran merupakan kitab terakhir yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW, kandungannya meliputi seluruh aspek kehidupan, merentas zaman, mampu menundukkan akal fikiran, dan mengubati segala kejahilan yang lahir atas sifat hamba yang tidak sunyi dari melakukan kesilapan. Sebagai umat Islam adalah wajar mengambil perhatian dengan sepenuh keimanan untuk menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup, agar menjadi hamba yang tergolong dalam kalangan hamba yang bersyukur atas segala nikmat yang tidak terhingga. Agama Islam memberi ruang dan peluang kepada penganutnya untuk memilih cara hidup masing-masing tetapi mestilah tidak terkeluar dari landasan syariat Allah SWT. Walaubagaimanapun terdapat kumpulan dan fahaman yang membenci al-Quran kerana kejahilan dan ketandusan ilmu, maka perlu dilaksanakan gerakan dakwah secara menyeluruh untuk membentaras dan memberi kesedaran seterusnya mengeluarkan golongan tersebut dari kepompong kejahilan mereka. Semoga golongan yang membenci al-Quran tersebut akan memperolehi taufiq dan hidayah dari Allah SWT untuk menjadi hamba yang soleh.

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab suci teragung umat Islam yang sangat istimewa dan merupakan mukjizat terbesar yang kekal hingga hari

kiamat. Keagungan kitab suci ini menuntut kepada setiap Muslim agar mewujudkan semangat jihad dalam diri masing-masing dan menjadikannya sebagai garis panduan dan rujukan dalam pelaksanaan pelbagai corak kehidupan agar sesuai menurut fitrah manusia. Secara teorinya manusia mempunyai keterbatasan jangkauan akal fikiran dan memerlukan panduan Ilahi dalam mengatur perjalanan hidup agar dapat merealisasikan sebuah kehidupan yang sempurna. Kandungan kitab al-Quran yang merangkumi seluruh aspek seperti perundangan, akidah, syariah, pentadbiran, akhlak, sejarah umat terdahulu, perkara ghaib dan sebagainya, menjadikan kitab suci ini digambarkan dengan peribahasa “*tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas*” Hal inilah kitab suci yang sesuai sepanjang zaman.

DEFINISI AL-QURAN

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibrail dalam bahasa Arab yang mengandungi akidah, syariat dan akhlak untuk diamalkan oleh seluruh umat Islam dan membacanya dikira sebagai suatu ibadah yang diberi pahala. Pengertian ini tidak mampu untuk menerangkan atau memberikan maksud sebenar al-Quran kerana al-Quran itu sendiri merupakan kitab terakhir yang meliputi segala aspek kehidupan dan menunjukkan tanda kekuasaan dan kebesaran Allah SWT (Jasmi, 2002).

Namun dapat ditakrifkan secara ringkas al-Quran menurut bahasa ialah bacaan atau himpunan huruf dan kalimah. Manakala pengertian al-Quran dari segi istilah ialah kalimah Allah SWT yang bermukjizat diturunkan kepada nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibrail dalam bahasa Arab, diriwayatkan secara mutawatir dan membaca setiap huruf adalah ibadah, bermula dari surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah an-Nas (Zainal, 2011).

NAMA LAIN BAGI AL-QURAN

Kitab teragung, iaitu al-Quran mempunyai nama lain yang banyak disebut sama ada dalam hadis nabi mahupun al-Quran (Sarip, 2011), antaranya ialah:

Al-Kitab

Al-Kitab banyak digunakan bagi merujuk kepada kitab al-Quran. Al-Kitab dirujuk kepada sesuatu yang ditulis pada asalnya al-Quran diturunkan dan ditulis kemudian. Hal ini demikian sebagaimana dijelaskan melalui firman Allah SWT:

لَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَابًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٠﴾

Maksud: Sesungguhnya kami menurunkan kepada kamu sebuah kitab (al-Quran) yang mengandung perkara yang menimbulkan sebutan baik dan kelebihan untuk kamu, maka mengapa kamu tidak memahaminya (dan bersyukur akan nikmat yang besar itu)?

(Surah *al-Anbia*, 21:10)

Al-Tanzil

Al-Tanzil merujuk kepada al-Quran yang diturunkan kepada manusia dengan pelbagai rahmat dan hikmah. Perkara tersebut dijelaskan melalui firman Allah SWT:

وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾

Maksud: Dan sesungguhnya al-Quran (yang antara isinya kisah yang tersebut) adalah diturunkan oleh Allah, Tuhan sekalian alam.

(Surah *al-Syu'ara*, 26:192)

Al-Furqan

Al-Furqan merupakan istilah yang merujuk kepada al-Quran sebagai panduan kepada umat manusia menjalani kehidupan agar menjadi hamba yang beriman, sebagaimana firman Allah SWT:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿٥﴾

Maksud: Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqan kepada hambanya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.

(Surah *al-Furqan*, 25:1)

Al-Zikra

Al-Zikra merujuk kepada kitab Allah SWT yang tidak perlu diragui akan keasliannya kerana dijanjikan akan kekal sehingga hari kiamat, sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksud: Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran, dan kamilah yang memelihara dan menjaganya.

(Surah *al-Hijr*, 15:9)

Al-Quran

Nama al-Quran antara nama yang masyhur disebut bagi merujuk kepada makna al-Quran itu sendiri. Mempercayai dan mengamalkan segala yang terkandung dalamnya merupakan rukun iman yang mesti diketahui oleh umat Islam. Hal ini demikian digambarkan sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksud: Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang yang beriman yang mengerjakan amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

(Surah *al-Isra'*, 17:9)

Al-Nur (cahaya)

Perkataan *al-Nur* banyak digunakan dalam al-Quran, dan merupakan suatu kelebihan bagi seseorang mukmin apabila berpegang dengannya, kerana sentiasa dipandu kejalan yang lurus. Hal ini demikian diterangkan sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا
إِلَيْكُمْ نُورًا مُبِينًا ﴿١٧٤﴾

Maksud: Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya datang kepada kamu: Bukti dari tuhan kamu, dan kami pula menurunkan kepada kamu (al-Quran sebagai) nur (cahaya) yang menerangi (segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak).

(Surah *al-Nisa'*, 4:174)

Al-Mau'izah

Al-Mahu'zah merujuk kepada al-Quran, penggunaan perkataan tersebut mempunyai maksud tersendiri yang hanya diketahui oleh Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا
فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Maksud: Wahai umat manusia! Sesungguhnya datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit batin yang ada dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman.

(Surah Yunus 10:57)

DALIL BERPEGANG KEPADA AL-QURAN

Sebagai khalifah di muka bumi ini, umat Islam tidak lari dari godaan dan ujian yang seharusnya dihadapi dengan tenang dan penuh keimanan, cabaran yang hadir dalam kehidupan akan menjadi kayu pengukur kekuatan iman seseorang mukmin sama ada ia akan terjerumus ke lembah kehancuran dan kesesatan atau selamat dengan kegemilangan. Maka, penghayatan isi kandungan al-Quran akan membawa keselamatan (Marbu, 2002). Sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi:

الم ﴿١﴾ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksud: Alif, Lam, Mim. Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); Kitab ini pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertakwa.

(Surah al-Baqarah, 1:1-2)

Melalui dalil tersebut sudah cukup untuk menjadikan seseorang hamba Allah menjadi kuat imannya dalam melaksanakan syariat dan memperoleh kemantapan akidah kepada tuhan semesta alam.

PERKATAAN BENCI DALAM AL-QURAN

Terdapat banyak kalimah dalam al-Quran yang menunjukkan makna benci, antaranya ialah:

Kalimah *Maqt*

Kalimah *maqt* tersebut bermaksud benci, merujuk kepada perbuatan yang dibenci Allah SWT, kalimah ini dijelaskan dalam firman-Nya:

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ
إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾

Maksud: Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang diperisterikan oleh bapa kamu kecuali apa yang berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji, dan dibenci (oleh Allah), serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan).

(Surah *al-Nisa'*, 4:22)

Kalimah *qala*

Kalimah *qala* tersebut merujuk kepada sangkaan daripada orang musyrik terhadap Allah SWT, sikap orang musyrik yang sentiasa berusaha untuk melemahkan semangat orang Islam hanya merugikan diri mereka sendiri. Sebagaimana firman Allah SWT:

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

Maksud: Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik).

(Surah *al-Dhuha*, 93:3)

Kalimah *Karha*

Kalimah tersebut merujuk kepada hamba Allah dalam mengabdikan diri sama ada secara terpaksa mahupun secara sukarela, perkara tersebut digambarkan melalui firman Allah SWT:

أَفَعَيِّرَ دِينَ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿١٣﴾

Maksud: Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu, mereka mencari lain dari agama Allah? padahal kepadanya

tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepadanya lah mereka dikembalikan.”

(Surah Ali 'Imran, 3:83)

Kalimah *Baghda'*

Kalimah tersebut merujuk kepada perasaan benci yang terjadi antara manusia disebabkan hasutan dan godaan daripada syaitan, ini dijelaskan melalui firman Allah SWT yang berbunyi:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي
الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ
فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

Maksud: Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan solat. oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara yang keji itu atau kamu masih berdegil)?

(Surah al-Ma'idah, 5:91)

Kalimah *Adghanah*

Kalimah tersebut digunakan bagi menjelaskan sikap orang munafik terhadap perancangan mereka kepada nabi Muhammad SAW, perkara tersebut ditunjukkan sebagaimana firman Allah SWT:

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ أَنْ لَنْ يُخْرِجَ اللَّهُ أَضْغَانَهُمْ ﴿٢٩﴾

Maksud: Patutkah orang (munafik) yang ada penyakit (syak, ragu-ragu) dalam hatinya: menyangka bahawa Allah tidak sekali-kali

akan mendedahkan perasaan dendam dan hasad dengki mereka (terhadap nabi Muhammad SAW dan umatnya)?

(Surah Muhammad, 47:29)

Kalimah Kabur

Penggunaan kalimah tersebut bagi menggambarkan rasa benci Allah terhadap orang yang beriman yang mengatakan sesuatu yang baik yang boleh meletakkan seseorang mukmin berada di tempat yang mulia tetapi tidak melakukannya, sebagaimana firman Allah SWT:

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

Maksud: Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

(Surah al-Shaff, 61:3)

GOLONGAN YANG MEMBENCI AL-QURAN

Golongan yang membenci al-Quran boleh dikategorikan kepada empat, iaitu golongan yang menolak nas secara jelas, golongan yang tidak beriman, golongan riddah (murtad), golongan ahlu bidaah dan fahaman lain (Jasmi & Tamuri, 2011) .

Golongan yang Menolak Nas Secara Jelas

Terdapat kelompok manusia yang secara jelas menolak al-Quran sebagai mukjizat teragung baginda nabi Muhammad SAW, ekoran dari ketaasuban fahaman yang berbeza dengan fahaman yang hak. Antaranya ialah Syiah, kerana golongan ini meragui akan kebenaran kitab suci al-Quran dengan mengurang dan menokok tambah demi kepentingan mereka. Malahan mereka lebih mengutamakan pendapat dari kalangan para Imam mereka (Bahrin, 1997).

Selain itu antara sebab akidah golongan Syiah ini jelas bercanggah kerana mengatakan al-Quran sebenarnya tiga kali ganda lebih besar

dari yang sedia ada, mereka juga beranggapan bahawa al-Quran yang lengkap sebenarnya adalah yang dikumpulkan oleh Sayidina Ali dan diwarisi turun temurun oleh anak cucunya seramai sebelas orang di samping menganggap Imam mereka adalah maksum. Kebencian golongan ini jelas apabila melakukan penghinaan kepada para nabi secara langsung dan tidak langsung.

Golongan yang Tidak Beriman

Golongan ini terdiri daripada kelompok bukan Islam sama ada dari kalangan jin mahupun manusia. Walaupun sampai seruan untuk mentauhidkan Allah SWT namun atas kesombongan dan rasa bangga diri, menjadikan mata hati dan akal golongan tersebut buta untuk melihat kebenaran yang dibawa oleh para nabi, rasul dan al-Quran itu sendiri. Antara mereka ialah puak kafir, golongan yang mengaku menjadi nabi palsu, dan sebagainya.

Melihat kepada sejarah manusia mula diciptakan, membuktikan bahawa kafir jin dari bangsa iblis kepada Allah SWT menjadi cabaran yang besar bagi umat Islam untuk sentiasa memiliki keimanan yang tinggi. Hal ini demikian kerana iblis sentiasa berusaha untuk merosak akidah, menghasut manusia untuk melakukan perkara yang sia-sia, mengajak melakukan berbagai dosa, menyeru kepada perbuatan bidaah dalam agama dan perkara maksiat yang lain (al-Otmani, 1989). Perkara tersebut dijelaskan melalui firman Allah SWT:

اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَاهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ أُولَئِكَ حِزْبُ
الشَّيْطَانِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١٩﴾

Maksud: Syaitan menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak syaitan itu sebenarnya orang yang rugi.

(Surah al-Mujadalah, 58:19)

Melihat kepada teguran melalui firman Allah SWT tersebut kepada syaitan dan puak yang menurutinya, maka setiap orang Islam haruslah bersedia dengan segala kekuatan ilmu dan keimanan yang mantap bagi menjamin keselamatan dan kebahagiaan diri.

Golongan Murtaad

Golongan ini terjadi atas dasar tidak yakin dan perasaan bencinya terhadap kitab suci al-Quran. Mana mungkin seseorang yang bergelar Muslim dan dikurniai hidayah oleh Allah SWT berpaling daripada ajaran agama Islam. Keraguan dan keimanan yang tidak mampan menjadi punca situasi ini berlaku. Hal ini demikian dirakamkan dalam firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدٌّ
عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ
أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ
حَتَّى يَرُدُّوكُمْ عَنْ دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَاعُوا وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ
عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Maksud: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati; katakanlah: "Peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang Islam) dari jalan Allah dan perbuatan kufur kepadanya, dan juga perbuatan menyekat (orang Islam) ke Masjid al-Haram (di Makah), serta mengusir penduduknya dari situ, (semuanya itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah. dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan yang dihormati). dan mereka (orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu hingga mereka (mahu) memalingkan

kamu dari agama kamu kalau mereka sanggup (melakukan yang demikian); dan sesiapa antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka dalamnya (selama-lamanya).”

(Surah *al-Baqarah*, 2:217)

Berteraskan kepada kepercayaan dan keimanan terhadap al-Quran, setiap orang Islam mestilah mempercayai bahawa riddah adalah perbuatan yang dimurkai dan ianya merupakan perbuatan jenayah terhadap agama Islam (*Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, 2005).

Golongan Ahlil Bidaah dan Fahaman Lain

Suatu amal ibadah atau perbuatan baik yang dilakukan ikhlas kerana Allah SWT akan mendapat ganjaran pahala yang dijanjikan syurga, lebih-lebih lagi amalan yang dituntut oleh syariat Islam. Namun begitu dewasa kini, terdapat golongan yang kononya mengaku beriman tetapi mendatangkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dengan menolak amalan baik dengan alasan ianya bertentangan dengan syarak. Golongan tersebut antaranya ialah wahabi, fahaman liberal dan sebagainya. Fahaman wahabi sebagai contoh, menolak amalan kenduri arwah dengan bertahlil dan majlis bacaan yasin, talkin ke atas mayat, menunggu kubur simati dan sebagainya dengan alasan perbuatan tersebut adalah bidaah.

Sesungguhnya saidina Umar r.a berkata mengenai solat di bulan Ramadan, “Sebaik-baik bidaah adalah ini”. Maksudnya bahawa ianya baru direka-reka yang belum pernah ada sebelumnya, apabila diadakan tiadalah ditolak kerana tidak berlawanan dengan al-Quran, sunnah dan ijmak ulamak (riwayat al-baihaki dalam manaqib Syafie). Lantaran itu bidaah dari segi baik buruknya perlulah dirujuk kepada kaedah syarak (*Hadih Yang Sampai Kepada Jenazah*, 2014).

PUNCA BENCI KEPADA AL-QURAN

Perbuatan membenci al-Quran merupakan perbuatan yang sangat terkutuk, antara sebab dan punca perkara tersebut berlaku antaranya ialah kerana memiliki Iman yang lemah sehingga tidak dapat membezakan tuntutan rasional yang boleh membawa ke arah kebahagiaan. Golongan tersebut mengetahui al-Quran adalah sebagai sumber rujukan untuk menyelesaikan sesuatu hukum atau permasalahan tetapi tidak mahu membuat kajian dan mendalami maknanya. Se-terusnya punca pengaruh liberal dalam cara hidup seharian sehingga mementingkan gaya hidup moden dan mengabaikan tuntutan berpegang kepada fitrah sebagai seorang Muslim menambahkan lagi kebencian kepada al-Quran. Selain itu golongan tersebut mudah terpengaruh kepada fahaman dan ajaran seperti Wahhabi dan Syiah sehingga membenci al-Quran dan menyatakan ayat al-Quran tidak lengkap (Harun, 2004). Di samping itu bagi hamba yang merasakan diri putus dari rahmat Allah dan belas kasihan darinya, dengan kata lain putus asa dalam mengharap sepatutnya hanya kepada Allah SWT mewujudkan situasi negatif tersebut.

MENANGANI GOLONGAN PEMBENCI AL-QURAN

Menangani orang yang benci kepada al-Quran melalui tiga cara, iaitu menggunakan media sebagai medium dakwah, menganjurkan kuliah agama di setiap masjid dan surau, dan penguatkuasaan undang-undang syariah.

Menggunakan Media sebagai Medium Dakwah

Pada masa kini, teknologi perhubungan berubah jauh ke hadapan, teknologi maklumat semakin berkembang maju dengan pelbagai jenis dan aplikasi serta fungsinya yang canggih, media adalah medium utama dalam kehidupan yang memaparkan maklumat secara langsung yang menarik minat pengguna dan penonton. Menggunakan media sebagai salah satu medium untuk menyebarkan dakwah yang akan menarik perhatian semua golongan yang berlainan agama dan mengubah pandangan mereka terhadap Islam yang dikatakan sebagai penganas.

Tarikan yang disampaikan oleh agama Islam bukan untuk dipaparkan sahaja malahan agama Islam adalah agama yang perlu dihayati oleh semua masyarakat dan merasai sendiri sebagai garis panduan hidup seseorang manusia agar bertepatan dengan landasan al-Quran dan sunnah.

Menganjurkan Kuliah Agama di Masjid dan Surau

Tarbiyah dan budaya ilmu adalah antara kaedah untuk menangani masalah yang dihadapi pada masa kini, kebanyakan umat Islam lebih gemar untuk merujuk kepada bahan internet yang tidak pasti kesahihan atau ilmu yang terkandung dalamnya, zaman fitnah menfitnah wujud dan golongan ini mengambil peluang untuk menjatuhkan umat Islam dengan mengubah maklumat yang sahih kepada yang tidak sahih kerana majoriti umat Islam gemar untuk melayari laman web yang bersifat lebih pantas dan mudah untuk dicapai. Maka seharusnya program ilmu di masjid dan di surau menjadi pemangkin kepada jatidiri dan asas membina ketakwaan kepada Allah. Melalui cara ini syiar Islam dapat ditegakkan dan seterusnya penghayatan kepada cara hidup Islam dapat disemai dalam sanubari setiap ahli masyarakat dan generasi kini dan masa hadapan (Mustari & Jasmi, 2008; Jasmi & Ilias, 2011).

Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah

Golongan yang membenci al-Quran seharusnya ditangani menggunakan kaedah perundangan yang digariskan oleh syariat Islam bertepatan dengan kehendak al-Quran dan hadis, ini kerana sudah tentu akan dapat menyekat fahaman dan ideologi sesat dari terus merebak dan menular dalam kalangan masyarakat. Sesuai dengan apa yang termaktub, iaitu agama Islam sebagai agama rasmi di negara Malaysia, maka menjadi pemangkin untuk memartabatkan sistem perundangan negara tanpa banyak halangan.

KESAN ORANG YANG MEMBENCI AL-QURAN

Golongan yang membenci al-Quran pastinya akan tergolong dalam golongan yang rugi kerana meletakkan diri dalam kelompok mereka yang tidak mahu beriman sepenuhnya dengan al-Quran.

Melihat kepada perlantikan utusan Allah S.W.T, nabi adalah seorang manusia lelaki yang dipilih oleh Allah SWT dan diberikan wahyu sebagai panduan untuk dirinya sahaja (Adnan, 2015) manakala rasul bermaksud seorang manusia lelaki yang dipilih oleh Allah SWT dan diberikan wahyu sebagai panduan untuk dirinya dan wajib disampaikan kepada orang lain. Allah SWT mengutuskan ramai nabi dan rasul kepada umat manusia kerana beberapa sebab. Antara sebabnya ialah kerana usia nabi dan rasul terbatas, nabi dan rasul adalah manusia seperti yang lain tetapi mereka lebih tinggi darjatnya, usia merupakan batas kehidupan seseorang manusia itu, usia tidak dapat ditentukan pada waktu bila manusia ini akan di matikan. Pada zaman selepas kewafatan Rasulullah SAW wujud nabi palsu, mereka menganggap diri mereka ini lebih hebat daripada Nabi dan Rasul yang sebenar, secara tidak langsung menyebarkan fahaman dan kebencian terhadap kitab al-Quran bagi orang yang lemah imannya.

Terdapat kesan kepada masyarakat dan umat daripada golongan anti hadis, iaitu golongan yang percaya atau merujuk pada satu sumber sahaja, iaitu al-Quran. Kemunculan golongan ini pada zaman selepas kewafatan baginda, mereka mendustakan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan melemparkan tuduhan yang tidak berasas dan menganggap perlu berpandukan pada al-Quran sahaja tanpa merujuk pada hadis Nabi Muhammad s.a.w.

Terdapat satu kisah berkenaan dengan golongan anti hadis ini, al-Hasan berkata, semasa Imran bin Husin sedang mengajar hadis, terdapat salah seorang daripada mereka yang meminta agar tidak perlu mengajar hadis, memadai hanya dengan mengajar al-Quran sahaja. Kemudian Imran menjawab, “Engkau dan sahabat engkau boleh membaca al-Quran. Mahukah engkau mengajarkanku solat dan syarat solat tersebut kepadaku? Atau zakat berserta dengan syaratnya? Engkau selalu tidak hadir. Sedangkan Rasulullah SAW mewajibkan zakat begini... begini...” Orang itu menjawab, “Terima kasih, aku baru sedar.” Pada kemudian harinya, orang itu menjadi seorang ahli fiqah (Abdullah, 2009).

Kesan golongan ini kepada masyarakat dan umat Islam adalah akan berkurangnya masyarakat atau umat Islam yang akan merujuk

kepada sumber yang kedua, iaitu Hadis. Hadis Nabi Muhammad SAW merupakan sumber yang memberikan penjelasan secara teliti mengikut syarat dan rukun yang tertentu terhadap perintah atau suruhan daripada al-Quran contoh seperti solat, cara pelaksanaan, rukun-rukun solat, pergerakan, bacaan dalam solat dan lain-lain.

RUMUSAN

Allah SWT menganugerahkan kitab yang paling mulia kepada junjungan besar nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada umatnya, sebagai Muslim sangat bertuah kerana terpilih sebagai umatnya. Maka menjadi kebanggaan untuk diamalkan ajaran yang terkandung dalam kitab tersebut sebagai pedoman untuk mencari reda Allah AWS dan menempuh kehidupan yang berpaksikan kepada sunnatullah (Harun, 2004).

Agama Islam menitik beratkan agar menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan utama dan panduan kepada umat Islam, Allah SWT memerintahkan segala suruhan untuk dilakukan oleh semua umat Islam dan pelaksanaan seperti solat walaupun tidak ditunjukkan caranya dalam al-Quran, tetapi hadis nabi SAW menunjukkan kaedah untuk menunaikan solat. Sebagai umat Islam, perlulah menggunakan al-Quran sebagai rujukan pertama dan menjadikan hadis sebagai sumber rujukan kedua.

RUJUKAN

- Abdullah, M. (2009). *Apa Itu Al-Quran?* (Vol. 1), Batu Caves: PTS Islamika.
- Adnan, U. I. U. A. E. (2015). *101 Info Seronoknya Mengenal Nabi dan Rasul*. Batu Caves, Selangor: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Al-Otmani, H. M. (1989). *Iblis Yang Sombong*. Rawang, Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Bahrin, Y. (1997). *SYIAH: Siapakah Mereka dan Apakah Sikap Kita Terhadap Mereka*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

- Hadih Yang Sampai Kepada Jenazah.* (2014). (A. F. Zakaria Ed.). Rawang, Selangor: Pustaka Ilmuan.
- Harun, Y. (2004). *Prasangka Baik di dalam al-Quran.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin.* (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ilias, Mohd. (2011, 25 April 2011). *Penggunaan Masjid dan Persekitaran Sekolah dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia.* Paper presented at the Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim.* Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM Press.
- Marbu, S. N. (2002). *Berpegang Teguh Dengan Kitab Dan Sunnah* (M. Z. A. R. A. Syami Ed.). Kalimantan Selatan: al-Hidayah.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008). *Pengimarahannya Masjid dalam Agenda Ummah.* Skudai, Johor Bahru, Johor.
- Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia.* (2005). (F. S. Shuaib Ed.). Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Sarip, S. Z. a. N. (2011). *Pendidikan Tafsir Al- Quran* (4 ed.). Jabatan Agama Islam Johor: Idu Sistem SDN BHD.
- Yahya, H. (2004). *Prasangka Baik Di Dalam Al-Quran.* In N. Abu (Ed.). Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Zainal, S. (2011). *Pendidikan Tafsir al-Quran* (Vol. Darjah 5). Jabatan Agama Islam Johor: Idu Sistem Sdn.